

# KMJ 2011 singgah di SMPKV Indahpura

KULAIJAYA 20 Jun - Kembara Mahkota Johor 2011 (KMJ 2011) edisi ke-14 memasuki hari ketiga dengan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan melawat Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) Indahpura, di sini hari ini.

Keberangkatan tiba Sultan Ibrahim yang menunggang motosikal berkuasa tinggi bersama 20 motosikal pengiring di dewan tersebut disambut kira-kira 1,000 pelajar dan penduduk tempatan sebelum dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dan bersalaman dengan rakyat jelata.

Sepanjang dua jam lawatan, baginda disajikan dengan pelbagai persembahan daripada pelajar sekolah berkenaan serta beberapa sekolah lain sekitar daerah ini termasuk persembahan pelajar buta memainkan alat muzik tradisional.

Pengetua SMPKV Indahpura, Khadijah Mohamad berkata, warga sekolah berkenaan bertungkus-lumus sejak seminggu lalu membuat persediaan bagi memastikan kejayaan program selaras dengan tema kembara tahun ini iaitu 'Penjagaan Alam Sekitar Tanggungjawab Kita'.

Menurutnya, kerja membersih dan memperindah kawasan sekolah bukan sahaja melibatkan kakitangan sebaliknya turut dibantu oleh pelajar.

"Saya mewakili warga SMPKV Indahpura berbesar hati kerana pihak penganjur sudi memilih sekolah ini sebagai salah satu destinasi kunjungan KMJ," katanya ketika ditemui selepas majlis berkenaan.

Sekolah yang mula beroperasi sejak 2004 itu menempatkan pelajar bermasalah penglihatan (buta), pendengaran (pekak) dan pembelajaran (lembam) melibatkan 171 pelajar tingkatan empat dan lima di bawah bimbingan 65 tenaga pengajar.

Menurut Khadijah, setiap kategori diberikan kursus berbeza mengikut kemampuan contohnya kursus jurusolek, pendedahan rambut muda, pembantu penyediaan makanan, atendan bilik dan atendan linen untuk pelajar lembam.

"Kursus bagi pelajar buta pula adalah refleksologi tahap 2 manakala pelajar kategori masalah pendengaran mengikuti kursus grafik komputer, penjagaan muka dan dandan rambut.

"Semua perkhidmatan tersebut turut dibuka kepada orang ramai setiap hari Selasa bermula pukul 9 pagi hingga 1 tengah hari," katanya lagi.

KMJ 2011 selama empat hari yang bermula Sabtu lalu di Jeti Istana Tanjung Muar menjelajah kesemua 10 daerah di negeri ini melibatkan perjalanan sejauh 800 kilometer dengan baginda menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, gotong-royong, riadah dan sukan untuk mendekati rakyat jelata.

Konvoi yang disertai kira-kira 30 motosikal berkuasa tinggi dan 40 kenderaan pacuan empat roda itu akan menamatkan penjelajahan di Bangunan Sultan Abu Bakar, Muar, Selasa ini.